

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIF BIN ABDUL RAHMAN
[KUALA KRAI]**

SOALAN

TUAN ABDUL LATIF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan perkembangan terkini Program Wakaf Air yang dilancarkan oleh pihak Kementerian dan bagaimanakah mekanisme yang akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Tabung Wakaf Perkhidmatan Air Malaysia atau Wakaf Air dilaksanakan oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air dengan kerjasama Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) melalui mekanisme Wakaf Tunai Malaysia. Cadangan penubuhan Wakaf Air ini telah mendapat kelulusan Mesyuarat Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWM pada 20 Oktober 2020. Kementerian kini dan pihak YWM sedang dalam proses memuktamadkan Memorandum Persefahaman (MoU) bagi melaksanakan inisiatif ini. Berdasarkan kemajuan tersebut, Wakaf Air dijangka dapat dilancarkan selewat-lewatnya pada penghujung tahun 2020.

Sekian, terima kasih.